

Headline	<b>UPM, JohnsonDiversey jalin kerjasama</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>14. Oct 2008</b>	Page No	<b>26</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>273 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Black/White</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	



## UPM, JohnsonDiversey jalin kerjasama

**S**ERDANG: Bagi mendidik pelajar, ahli akademik dan pentadbiran mengenai pentingnya kebersihan dan keselarasan makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengangurkan Program Latihan Keselamatan Makanan dan Kebersihan Makanan.

Program dengan kerjasama JohnsonDiversey (M) Sdn Bhd akan dilaksanakan sehingga 2010 melalui pemeteraian perjanjian persefahaman yang berlangsung di Pusat Perkhidmatan Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, di sini, semalam.

JohnsonDiversey ialah pembekal utama bahan pencuci dan kebersihan komersial bertaraf global.

Menerusi perjanjian itu, UPM dan JohnsonDiversey akan menyediakan Latihan Pendidikan Kebersihan dan Keselamatan Makanan dan Program Praktikal Industrial untuk tempoh enam bulan atau lebih kepada pelajar.

Selain itu, bagi memenuhi keperluan akademik, kedua-dua pihak akan memberi Sijil Latihan Profesional kepada orang ramai yang menyertai program itu terutama penggiat dalam industri makanan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata kerjasama ini adalah satu lagi langkah untuk menjadikan industri makanan di Malaysia berkualiti tinggi.

"JohnsonDiversey akan

menawarkan anugerah tahunan dalam kebersihan dan keselamatan makanan kepada pelajar Fakulti Sains Makanan dan Teknologi dengan nilai RM10,000.

"Ia juga akan menyumbang kepada aktiviti pelajar yang berkaitan dengan jumlah nilai sebanyak RM14,000," katanya.

Turut Hadir pada majlis itu, Pengarah Rantau Asia, JohnsonDiversey (M) Sdn Bhd, Sam De Boo; Pengarah Urusan JohnsonDiversey (M) Sdn Bhd, Tan Mea Kuang; Timbalan Naib Canselor Perhubungan Industri dan Komuniti UPM, Prof Dr Tal Shzee Yew dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof Dr Jinap Selamat.